haha...ha! apalah Tun..... (haha...ha tak boleh henti ketawa lagi...!) biasalah tu Tun....maklumlah..... harap benda ni tak terjebaklah pada PPSMI sebab saya sendiri pelajar sekolah menengah tak pernah dengar kawan-kawan merungut pun tentang PPSMI ini malah kami menyokong lagi adalah. Saya juga pelik kalau kerajaan pusat asyik dengar cakap pembangkang juga.....apalah nak jadi... la ni....pelajar sekolah makin pandai.....hal semasa seperti pergaduhan parlimen itu dah jadi bahan ketawa pelajar sekolah sebab selalu tengok ahli politik bergaduh.... kadang-kadang kami belajar dibawah pokok juga pada waktu rehat sebab kantin penuh....tak tau pulak boleh bersidang bawah pokok kan? (haha...ha) harap Tun boleh komen tentang PPSMI ini.....saya? Saya sokong PPSMI!

By akumemerhatiAuthor Profile Page on March 11, 2009 10:16 PM

Assalamua'laikum Tun,

Saban hari sudah bosan dengan sikap kurang jujur sebegini. Buat sesuatu hanya nak cantik, atau nak tunjuk pada orang yang cantik-cantik sahaja, but the core component tidak diutamakan. Contohnya tong ikan nilah. Apa guna tong cantik dan dikatakan "selamat", kalau ikannya tidak segar ? Sama juga, apa gunanya rumah yang kelihatan cantik, tapi komponen binaannya rendah. Belum masuk dah retak. Takkanlah, benda begini pun nak buat retorik.

Hopefully Tun, benda-benda retorik ni dapat diberhentikan. Fokus kepada isu sebenar bukannya nak buat "make-up" bagi cantik je. Macam isu PPSMI sekarang, isunya kita nak anak Malaysia mampu bersaing dengan asakan ekonomi global. Bukan kita boleh halangpun untuk tidak mahu berurusan dengan negara lain. Mana ada negara di dunia ni yang menghasilkan produk sendiri, jual sama sendiri. Kita sendiripun tidak menghasilkan barang keperluan kita sendiri.

Rakyat negara lain sudah menguasai sekurang-kurangnya 3 bahasa, kita masih bergelut dengan 2 bahasa. Tak perlulah retorik nak mengekalkan bahasa melayu macam sekarang. Tidak ada niat sekolah atau institusi pendidikan nak menyetepikan bahasa melayu. Cuba tanya etnik Sabah Sarawak, selain menguasai bahasa ibunda masing-masing, mereka juga menguasai bahasa melayu dengan baik, bahkan boleh juga menguasai bahasa inggeris. Tidak juga bahasa ibunda mereka hilang. Orang melayu, berbahasa melayu pun tak tahu nahu yang betul.

Sudah-sudahlah retorik. Jangan dengan nelayan yang berpendapatan rendahpun kita nak gunakan, hanya semata-mata nak "cantik". Jujurlah dalam perkataan dan perbuatan. Rasa percaya rakyat tidak boleh dipaksa, hanya kejujuran dan kelihatan jujur sahaja yang mampu mengembalikan rasa percaya rakyat. Macam Tun dulu, Tun jujur dan kelihatan jujur, sebab itu kawan dan lawan berlainan bangsa

percaya pada Tun, walaupun kadang-kadang mereka kelihatan menentang Tun.

Saya tak pernah "miss" nak tunggu ucapan penggulungan Tun masa AGM UMNO setiap kali dulu. Tapi sekarang, saya dah hilang minat dan naik meluat. Walau apa pun SAYA SANGAT NEGARA INI.

Anak Sarawak

By nase2Author Profile Page on March 11, 2009 10:17 PM

Salam Buat Ayahanda,

FLIP FLOP adalah resepi kerajaan sekarang.

Yang nak letak jawatan pun, dah nak berbunyi 'FLOP'nya - sebab pengumuman akan dibuat sedikit hari lagi.

Tak umum pun, dalam kepala dah terbayang hari terakhirnya pada hari terakhir bulan ni, melainkan ianya ter'FLIP' lagi, dan dapatlah 'FLOP' pusingan kedua, dan ketiga.... dan seterusnya.

Entahlah...

By Batu KurauAuthor Profile Page on March 11, 2009 10:20 PM

Untuk maju semua kaum di Malaysia perlu berubah, bila ada perubahan yang dibuat semua berfikiran negatif, boikot tak jual ikan. Macam mana nak bina pasar moden? seseorang pemimpin perlu ada pendirian yang tetap didalam apa jua keputusan yang dibuat seperti Datuk Hishammudin, beliau sudah menunjukkan kematangan didalam membuat keputusan. Kepada orang pekan tak usah buat demonstrasi Jalanan sebab orang kampung tak keluar pun buat bantahan terhadap pengajaran sains & matematik didalam Bahasa Inggeris.

By Wak NalAuthor Profile Page on March 11, 2009 10:27 PM

Slm.

Memang benar hakikatnya orang kita ini agak lambat sangat nak faham terutama apabila perubahan hendak dilakukan. Takut untuk berubah. Soal tong plastik ini pun telah dipolitik kan.

TQ.

By ZainalAbidinAuthor Profile Page on March 11, 2009 10:30 PM

Salam sejahtera YABhg Tun,

Beginilah nasib menteri di zaman pemerintahan AAB. Ada menteri umum sesuatu perkara akan terpaksa batal esokkan harinya. Ini kelihatan seolah-olah menteri langsung tiada kredibiliti. Menteri yang sama berkhidmat zaman pemerintahan YABhg Tun. Kenapa pada zaman pemerintahan Tun, menteri yang sama kelihatan hebat. Mereka melahirkan idea dan zahirkan pendapat secara jelas dan hebat.

Ada yang kata pada zaman pemerintahan Tun, menteri tidak boleh berkata-kata. Semuanya tutup mulut. Saya lihat, menteri zaman pemerintahan Tun lebih cekap dan banyak menzahirkan idea. Mungkin kurang campur tangan luar (Ting. 4) membuatkan menteri lebih efisien pada zaman pemerintahan Tun.

Sekian.

By toyaAuthor Profile Page on March 11, 2009 10:31 PM

flip-flop lagi!!! agak2 lepas serah kuasa pada najib nak kaji semula tak?

<http://toya.blogmas.com>

By DinodinoAuthor Profile Page on March 11, 2009 10:34 PM

As'kum ayahnda Tun,
besar juga masalahnya tentang tong ikan ni. Tapi ayahnda jangan lupa negara kita ni ada pelbagai jenis tong...

Tong ikan gunanya untuk menyimpan ikan....

Tong gas guna untuk memasak....

Tong drum banyak diguna untuk menyimpan air...

Tong sampah guna untuk membuang sampah....

kesimpulannya setiap jenis tong itu ada kegunaannya, tapi yang paling tak boleh dipakai, hampeh dan memualkan adalah...

"TONG KOSONGGGG.... bunyi aje kuat tapi habukpun tarakkk...

Salam sayang untuk Bonda.

By suraksakhAuthor Profile Page on March 11, 2009 10:34 PM

Malaysia sebenarnya telah bankrup. Wang simpanan keringat pekerja digunakan untuk membayar hutang kerajaan yang disogok oleh para pentadbir. Malang sekali rakyat yang cetek kesedaran. Wang rezab bank negara sebanyak rm250bil bukan wang milik negara tetapi dipinjam. Sakit hati rakyat jelata.
By normal citizenAuthor Profile Page on March 11, 2009 10:35 PM

Dear Tun,

Dengar dari akhbar:

- 1) Kualiti tong-tong baru jauh lebih buruk daripada yang biasa.
- 2) Harga tong baru jauh lebih tinggi

Canggih macam mana tu ??

By poziabbAuthor Profile Page on March 11, 2009 10:36 PM

tuuun..tun... huhuhuhu

he he he he he

pasai tong ikan canggih tak canggih pon awat tun tulih gak?

bukan tun takdak bahan sebenarnya, tapi kalo takat nak tarik peratian golongan petani, nelayan, peniaga kecil dan kelas bawahan utk baca blog tun, dr survey yg tun buat..berapa kerat sangat la golongan ni yg baca?

ada baiknya kalau TUN tulih pasai PPSMI yg duk hangat la ni.. jgn duk ada LIPLOP lg pd masa2 akan datang!

SALAM TUN....

By gie7Author Profile Page on March 11, 2009 10:44 PM

salam tun n salam muhibah buat semua...

biasa ar tun...ada orang nak jadi perdana menteri lama lagi...sbb tu bunyi flop tu...hehe...agensi kerajaan pun dah jadi little napolean tun...pelaburan rm 1 billion lebih dah nak d tarik sbb skuter solar buatan solarin tidak lulus d atas jalan raya...kat jepun, eropah dan juga negara asean lulus atas jalan raya tapi kat Malaysia, tak lulus...memang tinggi standard undang2 Malaysia...

By jamilmalikAuthor Profile Page on March 11, 2009 10:46 PM

YAB TUN,

- 1) SABAR TUN. JUST A COUPLE MORE WEEKS.
- 2) THE WHOLE COUNTRY ARE WAITING IN EARNEST THE VERY DAY PAK LAH HAND OVER THE OFFICE OF PRIME MINISTER TO NAJIB!
- 3) ON THAT DAY, I WILL LIGHT MY "FIREWORKS" TO CELEBRATE AND HAVE A SMALL KENDURI KESUKURAN...
- 4) FLIP-FLOP OR NOT, PAK LAH IS STILL THE PRIME MINISTER....I HOPE HE WILL KEEP HIS WORD TO GO SOONER THAN LATER!
- 5) IT SEEMS TO ME THAT ANY PERSON WILL BE A BETTER LEADER THAN PAK LAH....SO NAJIB

WON'T HAVE ANY PROBLEM FITTING INTO PAK LAH'S SHOES, I GUESS.(PAK LAH COULD NEVER FIT INTO YOUR SHOES!)

6) SABAR, YANG AMAT BERBAHAGIA TUN !

JM

By aie87Author Profile Page on March 11, 2009 10:53 PM

saya yakin ade yang tersirat ingin diperjelaskan di dalam post ini.. akan tetapi saya agak kabur....erm....tetapi menarik...kritikan dalam kelembutan.....mungkin saya masih mentah dalam dunia penulisan akan tetapi penulisan TUN tampak cukup berseni dan penuh dengan intipati yang tersirat dan hanya golongan yang intelektual mampu mentafsir... moga-moga saya akan menjadi di antara mereka yang mampu mentafsir kelak.....

By Puteri TanjungAuthor Profile Page on March 11, 2009 10:56 PM

YABhg Tun,

Ha, ha, ha. Point number five is Vintage Mahathir.

By zakaria aliAuthor Profile Page on March 11, 2009 11:01 PM

Salam Tun dan keluarga.

Saya tertarik dengan komen Tun berkaitan tong ikan. Kalau saya tak silap setahun yang lepas EU melarang produk makanan laut dpd Malaysia masuk ke EU. Jadi pengeksport ikan rugi berjuta-juta dan kerajaan pun bertindak untuk comply dengan EU standard.

Jadi dalam hal ini mengapa pengimpot ikan dpd Malaysia tidak mahu menggunakan tong yang lebih baik, anti bakteria, ais lebih tahan lama dsb. Press pula ambil kesempatan memihak kepada peniaga-peniaga yang tak mahu jaga kualiti ikan.

YBHG. Tun,pada pandangan saya, ikan adalah sumber protin utama yang murah bagi rakyat Malaysia. Rakyat juga berhak untuk mendapatkan bekalan ikan yang berkualiti. Apakah peniaga-peniaga ini lebih suka masukan pengawet mayat dalam tong ikan supaya ikan nampak segar berbanding menggunakan tong ikan yang lebih baik.

YBHG. Tun, akhbar The Star pada 11/3/09, m/s W39 telah menyiarkan satu kajian diStockholm, Sweden dimana ikan telah menyumbang kepada peningkatan mental dan IQ sesorang bahkan banyak lagi kebaikan ikan seperti dapat meningkatkan pembangunan intelektual.Tetapi perlu diingat ikan tersebut mesti mempunyai kualiti seperti kesegaran dan tidak dicampur dengan bahan kimia terlarang.

Saya pasti Tun telah menjelajah keseluruhan dunia dan Tun amat faham dengan tabiat pemakanan rakyat dinegara maju jika dibandingkan dengan rakyat Malaysia. Saya berharap Tun dapat memberikan komen.

By owlzAuthor Profile Page on March 11, 2009 11:08 PM

Assalamualaikum Tun....

Hye its me again Tun... 22 years old boy from University of Malaya (Electrical Engineering Department)... HUURRRMM... Crony capitalism describes an allegedly capitalist economy (politicians of "tong ikan" huh?) of in which success in business depends on close relationships between businesspeople and government officials... It may be exhibited by favoritism in the distribution of legal permits, government grants, special tax breaks, and so forth... Hence, cronyism is contrary in practice and principle to meritocracy... Cronyism exists when the appointer and the beneficiary are in "fake" contact... All appointments that are suspected of being cronyism are controversial... The appointed party may choose to either suppress disquiet or ignore it, depending upon the

society's level of freedom of expression and individual personal liberty...
Paul Wolfowitz was mentioned in connection with cronyism after the World Bank committee charged him with violation of ethical and governance rules as bank president by showing favoritism to his companion in 2005...

By zmokhtar@gmail.com Author Profile Page on March 11, 2009 11:08 PM

The tongs shouldn't be wasted. I suggest we put Dollah Badawi and the 4th. floor boys in them and float them to sea on 25th of March.

By Tuah Derhaka Author Profile Page on March 11, 2009 11:10 PM

hurmm...

Ntah la.. keputusan nak letak jawatan makin flip flop kedengaran
blah..la cepat2 xtahan dah ni... memalukan sgt2

By TCMAuthor Profile Page on March 11, 2009 11:13 PM

Dearest TUN,

We all know that the desicion was made to benefit certain people's pockets ya....

May TUN and family be blessed with good health & more wisdom.

TCM

By demang Author Profile Page on March 11, 2009 11:16 PM

Salam Ayahanda Tun.

kes tong ikan ni ada pihak2 yang "ada masyuuk ka?

senang betoi buat bisnes.

macamana tong ikan boleh jdi tarikan pelancong?

pelancong pergi pasar kot beli ikan nak buat gulai lemak ha ha ha

By Haghaf Author Profile Page on March 11, 2009 11:23 PM

Yg. Berbhgia. Tun,

Memang sejak akhir-akhir ini (dekat pilihanraya 2 bkt),
banyak sangat yang 'flip-flop'nya. Tapi yang terbaru ni
agak menyedihkan kerana melibatkan kementerian Tok Pa (Datuk Mustapha).

Bukan apa, Tok Pa ni sejak dari dulu lagi, tak byk cakap orangnya,
kerja kuat dan semua orang suka. Sampaikan semua orang UMNO kalah
di Parlimen Kelantan tapi Tok Pa masih tetap menang.

Kesian Tok Pa.

By zneicm Author Profile Page on March 11, 2009 11:30 PM

assalamualaikum Tun, yg dihormati.

Saya bukan ahli politik,bukan ahli perniagaan politik yg handal cuma cuma anggota kakitangan makan gaji bawahan, cuma pada pengamatan saya,Tun-cepat 2 minggu. Anwar-cepat 1 minggu, Pak Lah- lewat 1 minggu...Najib-?.

By pakbelalang Author Profile Page on March 11, 2009 11:35 PM

Government Urged To Review High Levy On Foreign Workers

KUALA LUMPUR, March 11 (Bernama) -- MCA Youth has urged the government to review the high levy imposed on foreign workers as some sectors are not attractive to local workers.

comment:

Saya rasa isu pekerja tempatan tidak mahu berkerja di setengah-setengah sektor atau memilih kerja adalah tidak tepat.

Persoalan yang patut difikirkan ialah masaalah gaji yang terlalu rendah hingggakan adalah tidak munasabah bagi pekerja tempatan untuk menampong kehidupan mereka.

Kalau pekerja luar boleh tidur dibawah jambatan adalah tidak lojik bagi pekerja tempatan disuruh tidur dibawah jambatan juga.

Untuk mengurangkan kos, syarikat-syarikat di sektor yang memerlukan perkerja telah mengambil jalan singkat untuk membawa pekerja luar negara dengan membayar gaji yang sungguh rendah supaya syarikat tersebut dapat meraih keuntungan yang lumayan.

Jadi persoalannya adakah dasar membawa pekerja luar untuk pembangunan negara dapat memberikan manfaat kepada rakyat? Tidakkah ini merugikan kita kerana rakyat tidak dapat bersama menimba pengalaman berkerja terutamanya dalam sektor construction dan engineering.

Apa faedahnya MARA mrngadakan berbagai bidang latihan untuk keperluan negara tetapi pelatihnya tidak diberi peluang bekerja untuk mendapatkan skill seterusnya. Akhirnya pelatih yang keluar dari pusat latihan menganggur selama-lamanya. Mereka tidak dapat menambah nilai skill yang ada padanya.
By MALAYSIADREAMA Author Profile Page on March 11, 2009 11:36 PM

Nelayan-nelayan akan faham dan tidak bantah lagi..,dan

pelawat-pelawat asing juga akan terus kagum..kehebatan dan

kecanggihan yang hanya ada pada nelayan-nelayan negara kita...!

Selagi semua kos pembelian tong-tong ikan yang cantik lagi

canggih itu diperuntukkan secara percuma oleh pihak-pihak yang

telah kaji begitu susah-payah mendalam barulah dapat sepakat

meluluskanNYA....kerana telah berjaya menaikkan Nama dan Imej

Negara di mata dunia nelayan-nelayan...!

Kita tunggu sahaja kedatangan Pelawat-pelawat asing melancong

Negara tercintaku melihat kekaguman dan kecanggihannya secara

dekat beramai-ramai....!Inshaallah..!

By YASMIN HOOD Author Profile Page on March 11, 2009 11:36 PM

Assalamualaikum Tun yang dikasihi ,

Sekiranya saya ditempat Perdana Menteri , saya akan merasa sangat malu apabila banyak sangat

perkara yang apabila diperkenalkan terpaksa dibatalkan atau ditarik balik . Nampak sangat Pak Lah dan kabinet tidak memikirkan dalam-dalam sesuatu dasar sebelum membuat sebarang pengumuman kepada rakyat . Siapalah yang menjadi pakar rujuk Pak Lah agaknya ?????.....

Wasallam

By nookvillageAuthor Profile Page on March 11, 2009 11:36 PM

Tun,

Clientele is always needed at all time before throwing instructions to the ground.

By saifAuthor Profile Page on March 11, 2009 11:38 PM

assalamualaikum tuan tun dr mahadhir muhammad

nampaknye tingkat 4 dah mula hilang kuasa. betul ke tuan?
harap harap biar la tingkat 4 tu runtuh. itu lebih baik kan tuan?

kenapa BN tak nak gabung ngan PAS? adakah BN tamak kuasa? atau nak tunggu peralihan kuasa dan kemusnahan tingkat 4?

dah lama tak tengok wajah tuan dan isteri (dr siti hasmah).

adalah baik kalau ada satu rancangan tv yang mana tuan boleh cakap secara live atau rakaman untuk orang2 kampung kita.

By CUCUNDA OF MAHATHIRAuthor Profile Page on March 11, 2009 11:39 PM

ASSALAMUALAIKUM...AYAHHANDA TUN...

FLIP FLOP LAGI???? BARU-BARU INI SAYA ADA CORETKAN COMMENT SAYA DALAM RUANGAN SOUND BITES(SNIPPETS)CERITA TUN MENGENAI LEMBU-LEMBU ARGENTINA.SAYA ADA MENCADANGKAN AGAR "MR.FLIP FLOP" NI JADI PENTERNAK LEMBU BAKA "FLIP FLOP".(lihat comment 10 march,10:32am).

PADA PANDANGAN AYAHANDA TUN,MANA LEBIH BAIK UNTUK "MR.FLIP FLOP" NI,JADI PENTERNAK LEMBU "BAKA FLIP FLOP" ATAU PENTERNAK IKAN "BAKA FLIP FLOP?".....SEMOGA BERJAYA LA..."MR. FLIP FLOP" DAN SEKELUARGA.....

By Tuah DerhakaAuthor Profile Page on March 11, 2009 11:39 PM

<http://gerakan-anti-pkr.blogspot.com/>

tlg semua pembaca blog diatas, adakah benar Anwar dan Pak Lah berhubungan dgn Ketua Ajaran Sesat? jika benar maka kita tuntutan mereka meletakkan jawatan, kita xmau ada Kamal Artatuk di Malaysia ini ataupun Syeik Siti Jenar, jgn lah menjadi sesat dan menyesatkan - TUNTUT KEBENARAN!

By ahmadAuthor Profile Page on March 11, 2009 11:44 PM

salam tun dan isteri..

Pada pemilihan (umno) ini mungkin ada calon yang tersenyum bangga mendapat jawatan idaman. Tetapi pilihanraya di 3 bukit pasti akan menambah rekod kekalahan bn dan umno.Apa komen tun?

rangsangan ekonomi untuk malaysia sudah mencecah RM80 billion. kaya juga negara kita ni. hehehe. tapi bila mintak tak naik minyak, tak naik tol macam macam alasan yang rakyat terima :-)

By oodengAuthor Profile Page on March 11, 2009 11:50 PM

This is new methodology i guess...Flip Flop Methodology....

By Cikgu GAAuthor Profile Page on March 11, 2009 11:59 PM

Salam Tun,

Pelik tapi benar. Benda yang sama berulang lagi. Tapi kalau kita 'positive thinking' la.... Pak Lah ni prihatin kut dengan masalah rakyat. Asal rakyat bantah je, dia akan dengar dan ubah keputusan yang telah dibuat. Kita tengok la tentang isu PPSMI dan isu Najib nak jadi PM ni. Rakyat dah bantah... kut-kut tak jadi alih kuasa dan PPSMI pulak 'cancel'. Tapi Tun, saya berpendapat PPSMI patut terus.(Bukan nak bodek). Demi masadepan anak2 cucu kita dan juga negara....
By AtaturkAuthor Profile Page on March 11, 2009 11:59 PM

Dear Tun,

Knowing Abdullah I don't think he will hand over power to Najib.

He has been making endless mistakes because of his incompetence much to the liking of the opposition who support him dearly.

But trust me, he will make a fatal one, which is going to cost him any endearment to Malaysians (not that he has any).

The choice before him is to go quietly into the night or be exposed for the person he really is.

He has no inkling that most Malaysians will be celebrating his exit.

Best Regards

Ataturk

By TarmiziAuthor Profile Page on March 12, 2009 12:00 AM

Kerajaan sekarang ni akan buat apa saja untuk memenangi hati rakyat walaupun adakalanya keputusan itu akan membawa petaka di masa hadapan. Setiap keputusan yang di ambil telah memdengar feedback dari rakyat walaupun pun adakalanya memakan diri sendiri. Kerajaan sekarang ni tiada pendirian dalam melaksanakan setiap dasar2.

Mengapakah nelayan perlu menukar tong2 ikan sedia ada kepada tong2 yang baru dan lutsinar?

By Syed Akbar AliAuthor Profile Page on March 12, 2009 12:04 AM

Tun,

Saya teringat wayang 'The Master and the Commander'. Saya anggap Tun sebagai The Master.

Syed Akbar Ali

By akeeAuthor Profile Page on March 12, 2009 12:06 AM

must be the work of some mat jenin, pak belalang or pak pandir.

By RepublicAuthor Profile Page on March 12, 2009 12:12 AM

Selamat Malam Tun

Quote 1

"1. Kerajaan setelah kaji dengan mendalam memutuskan penjual ikan mesti berhenti mengguna tong-tong aneka jenis tetapi sebaliknya mengguna tong plastik buatan sebuah syarikat tertentu."

The Truth is:

"RAKYAT setelah kaji dengan mendalam memutuskan KERAJAAN SEKARANG mesti berhenti mengguna PILIHAN KASIH aneka jenis tetapi sebaliknya mengguna PILIHAN YANG ADIL."

Quote 2

"3. Malang sekali, penjual ikan tidak paham. Mereka membantah."

The Truth is:

"Malang sekali, KERAJAAN SEKARANG tidak paham. Mereka membantah."

Quote 3

"5. Ramai yang berkata mereka terdengar FLOP selepas bunyi FLIP."

The Truth is:

"Ramai yang berkata mereka terdengar RASUAH selepas bunyi DUIT DAN KUASA."

By RoyAuthor Profile Page on March 12, 2009 12:20 AM

Dear Tun,

Haha.... You are humorous!

But I heard another sound after those two..... FLAWED!

I do hope the much awaited PM (be it for whatever reasons from opposition or proponent alike) won't make any of those sounds.

By NeoAuthor Profile Page on March 12, 2009 12:25 AM

Pada pendapat saya Tun, pada asalnya ini adalah berkaitan dengan kes penghantaran produk perikanan kita yang akan dihantar ke kesatuan eropah (EU). Dan umumnya memang tahu bahawa, kesatuan eropah begitu teliti dalam semua aspek termasuklah daripada Maximum Detection Limit (MDL) keatas produk2 ikan/air/ais dan sebagainya daripada bahan-bahan yang terlarang seperti bahan-bahan kimia/biologi dan sebagainya.

Dan juga saya berpendapat bahawa kemungkinan juga didalam kes ini, pihak EU telah menetapkan bahawa penggunaan tong2 ikan ini haruslah daripada satu sumber (one source) yang mana jikalau didalam kita faham, EU ni memang particular dan juga ini seharusnya dipatuhi oleh pihak2 yang ingin mengeksport ikan ke negara-negara EU yang bernilai-nilai berbillion-billion ringgit.

Lepas ni kalau tak dapat eksport ke sana, disebabkan mengikut 'kepentingan' tertentu golongan-golongan yang semakin hari semakin nampak menggunakan kerajaan dengan 'sebaik mungkin' ini, tak tau la macmana. Tak dapat eksport marah, bila suruh ikut taknak la pulak. Biar tegas sikit kerajaan. Jangan seperti lalang, meliuk2 ditiup angin.

By NeoAuthor Profile Page on March 12, 2009 12:30 AM

Ataupun, disebabkan tong ini dibuat oleh orang tertentu (ada komisyen kot) ataupun disebabkan oleh kerajaan saja nak menayang tong ni lebih canggih dari tong2 negara lain. :)

By PassengerAuthor Profile Page on March 12, 2009 12:32 AM

sabar je la Tun.....

pasal tong ikan pun leh buat rakyat marah....

ni semua pasal nak kaut untung la nie....

By Sekebung BungaAuthor Profile Page on March 12, 2009 12:34 AM

Salam buat Tun dan peminat-peminat blog ini.

1. Sebenarnya kami rakyat Malaysia dah muak dan bosan dengan pentadbiran yang ada sekarang.

2. Kami juga sudah jadi lali dan benci dengan flip-flop ni.
3. Pentadbiran Malaysia sekarang bolehlah digelar pentadbiran Si-Luncai dan pentadbiran Pak Pandir.
4. Pentadbiran sekarang menghalalkan benda yang haram ia itu rasuah politik.
5. Kalaulah benar Pak Lah orang yang kuat agama dan dari keturunan alim ulamak kenapa dibenarkan rasuah politik berleluasa atau Pak Lah menghalalkan rasuah politik hanya untuk menantu dan kroninya sahaja.
6. Dengar cerita, KJ akan menang kerana akan banyak menabur dan melabur pada para perwakilan.
7. Rasa-rasa Pak Lah tahu hal ini kerana dia juga tumpang sekaki.
8. Perwakilan yang datang pasti akan tersenyum puas kerana poket mereka berisi.
9. Orang yang memberi rasuah juga akan tersenyum bangga kerana berjaya memperbodohkan perwakilan dengan wang ringgit.
10. Inilah cerita orang-orang Melayu... yang mana boleh dibeli dengan duit rasuah.
11. Orang-orang Melayu inilah juga yang berkeras mahukan pelajaran sains dan matematik dalam BM.
12. Kita tahu mentaliti dan pemikiran mereka setakat mana!
13. Entahlah apa nak jadi, "Guru kencing berdiri, anak murid kencing berlari.

Semoga Tun dikurniakan kesihatan terbaik. Salam.
By IkAuthor Profile Page on March 12, 2009 12:36 AM

Assalamualaikum, Tun sekeluarga.

1. Bukankah sekiranya ada "pendirian" begini tidak akan tampak baik kepada sesuatu institusi. Bukankah, perkara sebegini akan berterusan diguna dan diambil peluang oleh pihak-pihak tertentu/khusus untuk "menghentam" balik.
2. Perkara begini akan menjejaskan paling teruk ialah imej. Apa yang ternampak ialah pelaksanaan sesuatu langkah itu seolah-olah tidak mempunyai perancangan terperinci dan mendalam. Perkara sebegini tidak hanya kepada KIB malah Konsesi TOL dan ada lagi perkara yang tiada ketetapan.
3. Dari sudut pandangan saya, apa yang nampak dari segi pengurusan, ianya tidak mantap. Dari segi perancangan, tiada penganalisaan. Dari segi pelaksanaan, tergesa-gesa.
4. Perlunya ada tindakan terdekat dan serta merta, mungkin drastik untuk "kikis" dari menampakkan imej begini. Mungkin ini adalah remeh dan "trivial" TAPI dalam bidang hartanah dipentingkan, "location, location, location"; oleh itu, dalam "keperibadian" ialah imej .. (what we present).

Mungkin, apa yang paling kurang/lemah sekali ialah tiadanya kekuatan "communicate".

Terima kasih, Tun.
By asampedasAuthor Profile Page on March 12, 2009 1:01 AM

Tun,

1. Sudah terlalu banyak 'flip' dan 'flop'.
2. Aneh sekali bila Pak Lah kata itu bukan flip/flop. Jelasnya, itu menunjukkan Kerajaan prihatin dengan suara rakyat justeru ubah keputusan.

3. Soalnya, kalau Kerajaan begitu prihatin tentu sekali keputusan-keputusan seperti kenaikan tol, pengezetan warta membenarkan penggunaan kalimah Allah, penggunaan tong ikan dan lain-lain, dari AWAL-AWAL LAGI TIDAK sepatutnya dikeluarkan. Atau, adakah Kerajaan memang tidak ada kemampuan membuat keputusan yang boleh diterima rakyat disebabkan tidak faham dengan kehendak rakyat?

4. Persoalan pokok ialah flip/flop BUKAN keperihatinan. Mungkin Pak Lah sendiri tidak faham apa itu flip/flop.

5. Bukankah bila isu PPSMI, misalnya, bila menjadi begitu hangat tiba-tiba Pak Lah MINTA supaya isu itu diselesaikan segera? Kenyataan itu seolah-olah dia BUKAN PM! Sepatutnya dia kata dia akan pastikan penyelesaian akan dibuat segera.

6. Sama-sama kita doakan agar beliau berjaya dalam kerjaya barunya kelak; sebagai penanam bunga dan pemancing yang tekun.

By aaronhexaAuthor Profile Page on March 12, 2009 1:07 AM

SALAM TUN

semakin banyak perkara yang berlaku di saat ini mencerminkan kerajaan yang ada sekarang kurang berwibawa seolah-olah mudah dipergunakan oleh manusia-manusia tertentu. jika tidak dihentikan tabiat FLIP FLOP ini saya takut nasi akan menjadi bubur . maaf TUN

By cikguAuthor Profile Page on March 12, 2009 1:10 AM

Assalamualaikum wbt,
YBhg Tun dan isteri,

5. Ramai yang berkata mereka terdengar FLOP selepas bunyi FLIP.

6. Kita tunggu perletakan jawatan tertentu.

Sebenarnya inilah kesitimewaan Tun. Dalam serius, masih buat lawak.

Dalam lawak tu, masih sempat suruh orang berfikir dengan teka-teki sepontan. Kalau Tun masuk kelas mengajar untuk satu masa bagi mata pelajaran sivik, saya pasti kelas tersebut penuh dengan pelajar. Malah para guru pun berebut-rebut nak duduk depan, tak macam dalam mesyuarat, mereka berebut nak duduk belakang. Kalau tak percaya, jom kita cuba. Tapi akan diluluskan ke permohonan untuk menjemput Tun?

Mahal ke bayarannya nanti Tun?

Takut-takut, hari ini permohonan diluluskan, esok ditarik balik. FLIP FLOP LAGI!

Salam saya buat Tun berdua.

By BajuKurangUnguAuthor Profile Page on March 12, 2009 1:18 AM

Ayahanda,

Apa guna cantik dan buat pelancong kagum, jika hanya menyebabkan harga ikan melambung naik. Rakyat miskin yg susah. Ikan mahal, ayam mahal, daging mahal, sayur pun mahal.. habis nak makan apa? Nasi dgn garam? Tahan ke hari2 makan ulam2 dan sayur kampung sahaja?

Kalau tak FLOP, pembekal yg satu tu juga yg kenyang... siapa punya kerja ni?

Kalau nelayan tak bantah, kerajaan akan FLOP ke? Patutnya, fikir beribu kali, keputusan hanya sekali. Bukan fikir sekali, keputusan beribu kali...

Tapi saya rasa mcm tak percaya dgn entri kali ini. Mcm bukan ayahanda yg menulis.... walaupun penghujungnya sama sprt biasa... utk perli PakLah juga..

Wallahualam

By NazirulAuthor Profile Page on March 12, 2009 1:53 AM

Salam Tun,

Kematangan dalam membuat keputusan amat penting bagi pemimpin. rakyat menilai pemimpinnya menerusi apa yang dia nak buat dan kepentingannya.

agaknye, pemimpin sekarang banyak sangat masalah nak diselesaikan.. sebab tu sebarang keputusan menjadi tak relevan... contohnya isu Tol yang lepas, kejap cakap naik kejap nak kaji semula... ker ade usaha tertentu yang ingin meraih undi lebih? kita tunggu bulan ni..

apa kata Tun bincangkan tentang pemimpin pada zaman Tun dengan sekarang ni. nampak sangat ketidaktegasan PM dalam pentadbiran menyebabkan sebarang keputusan sukar nak di buat?

sekian,

:)

By 1OnlookerAuthor Profile Page on March 12, 2009 2:11 AM

Tun,

Saya berasa Tun sudah bersalahfaham. Sebenarnya Dato Seri Abdullah Ahmad Badawi berjanji akan meletakkan jawatan Presiden Umno sahaja. Beliau masih layak memegang jawatan Perdana Menteri kerana beliau belum lagi diberikan undi tidak bersokong oleh ahli-ahli Parlimen. Tak pegang jawatan di Umno tak apa, asal jawatan Perdana Menteri masih dipegang lagi!

Parti lain! Kerajaan lain! Di dalam parti, wakil-wakil pusat daripada bahagian-bahagian dan cawangan-cawangan adalah berkuasa untuk memilih pemimpin melalui cara mengundi. Manakala di dalam kerajaan pusat, kuasa untuk memilih dan melantik seseorang Perdana Menteri adalah terletak di tangan DYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong. Janganlah Tun campur-gaul kedua-dua hal yang berlainan sama sekali. Jadi ini bukanlah masalah "Flip Flop".

Lepas bulan ini, Dato Seri Abdullah terusnya menjadi PM. Dato Seri Najib akan mengambilalih jawatan Presiden Umno. Pengagihan kuasa dan perpisahan jawatan Kerajaan daripada jawatan parti membolehkan seseorang Perdana Menteri tumpu perhatian dalam hal-ehwal pentadbiran negara dan supaya tidak diganggu oleh hal-ehwal pentadbiran parti. Perdana Menteri seperti ini dikenali sebagai "Perdana Menteri berprofessionalisme". Dengan pertolongan Dato Seri Abdullah, Dato Seri Najib tidak perlu bersusah-susah kerja di kabinet dan ini membolehkan beliau menumpu perhatian ke atas usaha untuk memperkembangkan parti Umno.

Kalau Dato Seri Abdullah enggan meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri, apakah Najib boleh buat? Takkan C4 digunakan lagi?

Onlooker

By LatarapikAuthor Profile Page on March 12, 2009 2:11 AM

Salam Tun,

Eh itukan bunyi tong yang dihempas ke longkang oleh penjual ikan yang membantah tu.

Pasal perletakan jawatan, rasanya yang kedengaran adalah 'tik-tok', 'tik-tok'.... Dia.. datang.

By anakbudu3Author Profile Page on March 12, 2009 2:35 AM

Assalamualaikum Beloved Ayahnda n Bonda Tun,

Wonder who's idea the blue boxes come into the scene???

The one who's making profit at the expense of the fishermen, middlemen, fishmongers and buyers like us, the rakyat, for sure this someone can really 'mentekedarah' comfortably without pitying the poor n needy. Some rakyat may be uneducated but they are not stupid dum-dum to be tricked by those moneysuckers...the top-guns up there, be more humble please...you treat rakyat badly, when you lose everything, the next thing you know, your face will be spat on...

From time to time these bloodsuckers are getting richer and richer , yet they still feel it's never enough for them. If only they can bring into their grave the wealth they hv gathered...how are they going to explain where they rob the wealth n whom they hv cheated to get it...please give a thought when you still hv a chance to repent....

Rakyat are still looking forward the transformation promised...might hv been empty promises!!

Well,

Better take a great care of my children so that they will not become like those top-guns who only know how to spin rakyat's mind.....

Wassalam Ayahnda n Bonda Tun. May Allah bless you both, always...

By pakbelalangAuthor Profile Page on March 12, 2009 2:44 AM

Dear Tun,

I quote from the Star:

Asked if a date had been set for the transition of power from him to his deputy Najib, Abdullah replied: "I will be making a formal announcement soon. Najib and I discuss various issues whenever we meet."

Asked if he had a date in mind for the transition of power, Abdullah replied: "Of course there must be a date."

comment:

There is a beautiful lyric of a Malay song which can relate fittingly to Pak Lah's above statement. I hope he could remember the tune.

JANGAN TUNGGU LAMA-LAMA,
NANTI DI BENCI ORANG,
JANGAN TUNGGU LAMA-LAMA,

Come on, Pak Lah, don't frustrate the rakyat. We just want you to go and we want to move forward without you hanging around the corridor of power. It is nuisance having you around doing nothing. Habiskan boghas je! You are at a lost and not contributing anything to crack your head to solve the serious economic problem that we are facing now. I don't see any sense of urgency in you to walk away from the corridor of power gracefully.

Anyway, you have done your very best for the past 5 years. We take note of your contribution.

By pizi jihatAuthor Profile Page on March 12, 2009 2:44 AM

Salam YABhg. Tun,

hopefully, the flip will be forever flopped after this coming PAU... or maybe he could be a fisherman himself... he has got a big yacht after all.... :-)

By pakbelalangAuthor Profile Page on March 12, 2009 3:01 AM

Candidates For Three By-elections Still Being Considered

KUALA LUMPUR, March 11 (Bernama) -- Deputy Prime Minister Datuk Seri Najib Tun Razak said today he had received the initial list of candidates for the three by-elections on April 7.

comment:

BN candidates would be "Abdul Wahab, Abdul Wahid and Abdul Wahub".

Based on the Malay film 3 Abdul, I think only Abdul Wahub would win because he is much more intelligent than the two brothers. he, he, he, kah, kah, kah

Anyway, Najib, just keep your fingers crossed. Insya'allah all will win!! But you will have to work very hard and please ensure that the "bad and ugly" UMNO leaders are not involved in the campaign especially Mike Tyson, KJ, Khir Toyo. They are branded as "makhluk perosak". That is a fact and talk of the town. Make no mistake about it.

By waris50 Author Profile Page on March 12, 2009 3:05 AM

Yang Amat Berbahagia Tun,

Kalau satu orang berperangai FLIP FLOP saya boleh terima, tetapi kalau satu kabinet membuat FLIP FLOP saya kecewa dan hampa. Inikah sekumpulan pemimpin yang diberi mandat untuk membawa negara keperingkat yang lebih baik, seperti yang YAB Tun telah lakukan selama 22 tahun memimpin? Kekecewaan saya adalah kerana generasi muda dari saya ini tidak menyerlah kewibawaan mereka jika dibanding dengan tahap tindakan yang dilakukan oleh pemimpin generasi lama.

Sepatutnya mereka lebih bijak dan lebih strategik didalam membuat keputusan dan tindakan.

Kalau mereka yakni kabinet tidak boleh membuat keputusan yang senang dilakukan seperti tidak menaikkan kadar tol kerana kemelesetan ekonomi dan tong ikan yang lawa, saya kecewa dan gerun mengenangkan akibat PRU13 nanti. Oleh itu sedarlah wahai pemimpin pemimpin Umno lakukan sembahyang taubat, tahajud dan istikharah untuk mendapat petunjuk dari Allah.

By Source Dewata Author Profile Page on March 12, 2009 3:13 AM

Ke hadapan Tun yang amat disanjung dan dihormati. Izinkan saya mengambil kesempatan di atas populariti blog Tun untuk meluahkan rasa hati saya demi negara tercinta. Maafkan saya kerana tersasar dari tajuk tulisan Tun ini.

Dari blog saya, Source Dewata is Source of Heaven:

I was watching 'Buletin Utama' when the newscaster announced that there would be the final match of All England Badminton Championship between Datuk Lee Chong Wei and Lin Dan. I went out of my room and told my brother about the match and he said to me: "No point of watching. He will lose the match for sure." But I said: "I will give him the last chance and if he lost again this would be the last time I watch a badminton game." And for sure the Datuk lost. Yet again. I was disgusted and betrayed. I love Malaysia. This is my country. But I am at my utmost disgust with Malaysia's mediocrity. Some readers who read this blog will criticize this statement and blame me for insensitivity. They are the real traitors. Most of us cannot comprehend constructive criticisms and refuse to accept the truths either because they are plain stupid or they have some interests out of these bad situations. Either way I can see what is right from wrong. And for sure many things are wrong with how we see and manage things.

Are our badminton players so physically different from those of China and Indonesia? Are they giants that they can do jumping smashes without even jumping? No, they are not. Then why the hell can they beat the crap out of Malaysians every time? Because we play like crap! I am disgusted that every time they went into the finals and bring hope to us every time they will break that hope. The government spends millions on their trainings and compensations and this is how they re-pay us? And what about those sorry asses our football players? Last time I checked Malaysia was at 146th on the world ranking. We coached Vietnamese how to play football and they beat the crap out of us as well. If I were the players I would have committed suicide for the disgrace I bring to this beloved country. Have they no shame? And when we criticize they will dare us to play and understand how difficult football is. No wonder they are

footballers, not lawyers or doctors. We pay your salaries when thru our tax cuts you losers!

I read in some newspapers that the entertainment columnists were criticizing the radio deejays for favoring foreign songs over local songs. How do you expect us to listen to local music when they are painful to listen to? You expect us to get into an accident because we are so stressed out while listening to crappy music? Come on! Our musicians must start to be independent already! You do not have to look far, only across the border to Indonesia and you see how good their entertainers are. They compose their own melodies, write their own lyrics, and sing their own songs. What about us? I can tell you that if it was not because of M Nasir they would be no Search, no Wings and no Alleycats and when M Nasir no longer writes songs for them they just disappear. And how do you expect us to watch local movies where the directors are crappy and are easily satisfied with mediocre actors and storylines? You bring us good movies and we will watch. Then you will get your money and bring us more good movies!

I do not believe in absolute democracy. Democracy favors those with money and power. When you have money and power you can buy votes and this is how a country succumbs such as in the case of many Asian countries. Democracy and capitalism may work in the West because both must be aligned with maturity and responsibility. When you present democracy in developing or under-developed nations you will get corrupt and irresponsible governments. And when Pak Lah our PM tries to promote liberalism you can now see how chaotic our country can be. When you give the power to choose your leaders to immature and irresponsible teenagers and rempits you will get traitors like Anwar Ibrahim (ex-DPM) and Nizar Jamaluddin (ex-MB). These kinds of voters cannot even respect their parents and other people for that matter so how can you trust them to vote the rightful leaders? Anwar and Nizar commit high treason to their own ruler and race. They should be imprisoned immediately and indefinitely.

I always believe that love, more importantly, must be felt at heart, cited thru words and proven thru actions. But Malaysians like to keep their love at heart only. Citizens of other nations also love their countries like we do but they show their love by loving and caring for their countries. They protect their resourceful rivers and jungles and keep their streets and cities clean. What about us? We will litter and kill as and when we please. We will fish even if we know that it is illegal to do so. We will litter even if we know we are littering our own livelihood. Malaysians are ignorant and self-centered! So you know why anglers from all over like to fish in Thailand and shoppers all over like to shop in Singapore? We have all the infrastructure from the 1st world but our mentality is of the 3rd world! I reckon we will not achieve our Vision 2020. We are 50 years behind with our mentality. How are we going to achieve developed nation status in just another 10 years? We need to look back and see where we went astray. It is not too late.

Terima kasih, Tun.

By pakbelalangAuthor Profile Page on March 12, 2009 3:13 AM

Palestinian Exhibition On Nationwide Tour - Rais

KUALA LUMPUR, March 11 (Bernama) -- The foreign ministry and Yayasan Salam Malaysia (Salam) will organise a series of exhibitions on Palestine at selected locations nationwide to highlight the Israel's atrocities in Gaza.

Dubbed as the Palestinian Awareness Exhibition, the nationwide tour begins at Parliament House and was launched by the Dewan Rakyat Speaker Tan Sri Pandikar Amin Mulia today.

Foreign Minister Datuk Seri Dr Rais Yatim said the exhibition was part of Malaysia's effort to condemn Israel's brutality in Gaza while at the same time, conveying deep sympathy for the sufferings of the Palestinians.

comment:

It is a very good initiative made by Rais but how I wish Rais to spend most of his time to have roadshows

to boost the morale of the Malays who are so depressed with all kinds of negative statements made by the oppositions ridiculing the Sultans and the Malay Rights. Pak Lah has done a lot of damage to the morale of the Malays. And the worst culprit is also none other than the ambitious Anwar Ibrahim who makes the Malays more confused about his "lalang" principles. Nik Aziz pun 2 X 5 !!
By ikhwan1999Author Profile Page on March 12, 2009 3:20 AM

Salam Tun,

Dalam hidup saya tak pernah saya ternanti nanti dua perkara. Yang pertama dulu ialah tika dan waktu nak berkahwin dengan pilihan hati, yang kedua pulak ialah nak tunggu bila PM flip flop kita ini nak berhenti. Saya rasa tak sabar dia berhenti lebih kuat dari menunggu bonus 6 bulan (waktu zaman Tun dululah) masuk akaun bank.

Saya ingat nak buat kenduri lagilah awal bulan April nanti.

Tun, jaga diri dan Tun Siti baik baik ya. Saya sentiasa doakan kebaikan untuk Tun dan negara kita sebaik saja selesai bersolat .
By roketbulanAuthor Profile Page on March 12, 2009 3:30 AM

Salam Tun,

Kesian kat ikan nooo.
Baru berangan nak merasa tong canggih.
Dah dikaji balik la pulak.

Perletakkan jawatan tertentu?

Tak apa, 50 tahun lagi pelajar kita akan jumpa sepotong ayat dalam buku Subjek Sejarah (masa tu istilah Dewan Bahasa dan Pustaka bagi Subjek Sejarah dah jadi Subjek Histori).

Bunyi ayat itu, "Beliau telah meletak jawatan kerana kes flip-flop tong ikan pada tahun 2009 masehi"

Bukan ke glamour juga beliau tertentu tu, bukan calang-calang orang boleh masuk dalam buku Subjek Histori ni.
By sharat-sAuthor Profile Page on March 12, 2009 3:35 AM

Salam Tun,

I really dont know whats going on and whats going to happen with this country... those were the days i know where Malaysia is heading but now.... nak make decision pun tak betoi!

God please have mercy on us!

wasalam

sf

By semanggolAuthor Profile Page on March 12, 2009 3:44 AM

Hmm.. bila nak habis kisah raja lawak ni..
By KhALiFaMaLaYaAuthor Profile Page on March 12, 2009 4:33 AM

Akhirnya kerajaan bersedia menerima hakikat bahawa negara akan ditimpa seluruh impak buruk krisis kewangan global. Baguslah, walaupun agak lambat. Sejak November lalu, Pakatan Rakyat mahu kerajaan bertindak segera bagi mengelakkan penguncupan dan menangani kelembapan ekonomi.

Betul kita tidak terkesan dengan krisis sub-prima kerana pendedahan kita terlalu minimum terhadap

segala produk-produk canggih derivatif gadaikan janji sekuriti ciptaan genius kewangan Barat. Tetapi lain pula halnya dengan negara-negara seperti United Kingdom, Jepun, Singapura dan Timur Tengah.

Semua negara-negara ini sedang mengalami kemelesetan ekonomi dengan membawa satu senario ngeri yang bakal ditanggung rakyat masing-masing. Ia persis kelembapan ekonomi tahun 1929 dalam "The Great Depression". Kini kemelesetan pertumbuhan di United Kingdom sebanyak -2.8% peratus, Jepun -2.6% dan Singapura -4.9%. Kini kita mengakui pertumbuhan negara hanya sebanyak 0.1% pada suku akhir 2008, berbanding 4.7% pada suku ketiga 2008.

Bahawa negara akan mengalami kemelesetan atau 'recession' bukan lagi suatu ramalan bahkan hakikat yang pasti. Ia bukan sukar untuk difahami seperti ilmu sains roket. Jumlah eksport menjunam sebanyak 27.8% pada bulan Januari 2009 sementara Indeks Pengeluaran Industri (IPI) merosot sebanyak 15.6% pada bulan Disember 2008. Sumbangan IPI adalah hampir 40% dari jumlah seluruh ekonomi negara. Rizab Antarabangsa hanya tinggal RM316 bilion pada bulan Disember 2008, berbanding RM410 bilion pada bulan April 2008.

Pengurangan permintaan barangan kita, pengurangan rizab negara, pelebaran defisit fiskal, antara lain, akan sekali gus mengurangkan nilai ringgit Malaysia (RM) yang kini kehilangan sebanyak 7% berbanding Dolar Amerika. Penarafan Negara atau 'Sovereign Rating' telah turun ke paras single 'A' serentak menyukarkan kemasukan pelaburan langsung asing (FDI) dan penambahan kos pinjaman dalam bondan hutang (gearing) serentak menjadikan negara kita tidak menarik dan kompetitif bagi pelabur asing mahupun tempatan.

Unjuran pemberhentian pekerja adalah sebanyak 200,000 menjelang hujung 2009. Suntikan kedua RM60 bilion? (bold) Sejumlah RM60 bilion dikatakan akan disuntik dalam tempoh dua tahun; 2009 dan 2010. Jumlah ini agak besar, hampir 10% dari seluruh ekonomi negara atau Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan kalau benarlah disuntik sejumlah ini akan melebarkan defisit fiskal hampir kedua angka atau 'double digit'.

Tetapi penulis yakin suntikan fiskal hanya seperti yang dinyatakan yakni RM15 bilion, selainnya bolehlah dianggap sebagai dalam alam khayalan dan angan-angan lagi. Sumber Dana Jaminan, Pelaburan Ekuiti, kaedah PFI dan juga cara insentif cukai tidak merupakan satu yang pasti. Tidak salah berangan-angan, cuma jangan terlalu nak mendodoi rakyat. Lebih baik mencelikkan rakyat dengan hakikat yang sebenarnya.

Kalau tidak keterlaluan, penulis ingin bertanya Menteri Kewangan, apa sudah jadi dengan RM7 bilion pakej rangsangan pertama. Apakah ia sudah habis disuntik? Dalam sektor mana? Bila dan apa kesannya? Apakah ia menepati sasaran dan matlamat rangsangan? Apakah ia berjaya atau gagal? Terlalu banyak yang masih belum diketahui dan didedahkan.

Ketelusan dan pertanggungjawaban

Ini kunci permasalahan urus-tadbir dinegara ini! Ketelusan dan pertanggungjawaban. Urus-tadbir Presiden baru Amerika Syarikat, Barack Hussein Obama dalam pengurusan krisis kewangan ini boleh disemak dalam satu website economyincrisis.com. Setiap perbelanjaan dana suntikan adalah terbuka dan telus kepada rakyat.

Sudah sampai waktunya kerajaan BN memahami bahawa mereka tidak lagi boleh meneruskan urus-tadbir yang buruk dan membuat keputusan yang buruk. Urus-tadbir yang buruk dan keputusan yang buruk hanya boleh dihasilkan oleh kepimpinan yang buruk. Sehingga kini, persepsi buruk rakyat terhadap kepimpinan negara masih tidak dapat diubah selagi gelagat dan tabiat lama dikekalkan.

Benar krisis ini adalah dicetuskan faktor luaran dan mendatang. Benar, tidak ada negara yang dapat mengelak dari terkena bahannya disebabkan sifat ekonomi dunia yang terbuka kecuali kalau kita mengamalkan ekonomi tertutup dan menjana ekonomi hanya dari permintaan domestik (closed-loop economy).

Namun perlu ditegaskan bahawa negara ini tidak lagi bersedia untuk ditadbir kepimpinan yang tidak punya integriti, bahkan mengamalkan rasuah, penyalahgunaan kuasa dan nepotisme. Semua ini akan meningkatkan kos perkhidmatan serta pembuatan produk-produk di negara ini sekaligus menjejaskan daya-saing negara. Tender terbuka dan memberi pihak yang mampu melakukan dengan kos perunit terendah adalah ukuran utama dalam pemberian sesuatu kerja atau kontrak.

Berjuta bahkan berbilion ringgit mampu diselamatkan dengan memastikan amalan urus-tadbir baik. Penerusan amalan buruk ini tegasnya akan menjadi punca utama kegagalan program pakej rangsangan kerajaan, walau sebanyak mana sekalipun disuntik. Setelah komitmen yang bulat oleh semua pihak untuk menutup lubang-lubang kebocoran, maka aspek kedua yang penting diperhatikan ialah ke manakah suntikan rangsangan itu dibuat?

Perlu ditegaskan bahawa yang hendak dicapai dalam mengelakkan ekonomi negara daripada terus terjerumus dalam kelembapan dan kemelesetan ialah bagi meningkatkan permintaan. Dalam waktu terdekat krisis ini, amat munasabah untuk tidak mengharapkan rakan dagang kita membuat permintaan eksport barangan dan perkhidmatan kita. Blok dagangan baru seperti BRIC (Brazil, Russia, India dan Cina) juga turut terjejas walaupun tidak seteruk Amerika dan Eropah atau Jepun.

Meningkatkan permintaan domestik dengan berbelanja

Maka kerajaan hanya boleh mengharapkan peningkatan permintaan domestik, yakni rakyat di negara kita sendiri. Bagi menjayakan agenda dan cita-cita ini, rakyat perlu diberi keupayaan membeli dengan meningkatkan pendapatan bolehguna mereka (disposable income). Ini termasuk selain dari makanan seperti pembelian rumah hartanah, kereta, bahan eletrikal dan elektronik, termasuk bercuti dan lain-lain. Kaedah paling berkesan untuk memastikan rakyat mempunyai wang dan dana untuk berbelanja adalah memberi wang tunai terus kepada rakyat.

Negara seperti Singapura dan Australia mengamalkan polisi ini. Potongan sumbangan pekerja mahupun pihak syarikat kepada KWSP belum pasti diterima rakyat atau syarikat kerana mereka tahu bahawa ini mengorbankan simpanan usia tua mereka. Mustahak untuk kerajaan memahami psikologi rakyat dalam krisis kerana mereka kurang senang untuk berbelanja kerana takut dan cemas akan ketidaktentuan krisis. Mereka lebih selesa menabung, dan bukan berbelanja.

Kalau berlaku sedemikian maka penguncupan permintaan akan menjadikan situasi lebih parah dan pihak pengilang akan memberhentikan lebih ramai pekerja. Disamping suntikan terus kepada rakyat yakni semua segmen rakyat dari pelbagai latar belakang status sosial dan pendapatan, perkara seterusnya adalah untuk memahami dalam sektor apakah suntikan harus dibuat? Spontan jawapan ini selalu dijuruskan kepada infrastruktur; lebih besar adalah lebih baik.

Perbelanjaan RM5 bilion untuk lebuh raya, jambatan atau landasan keretapi merupakan 1% daripada KDNK. Namun kali ini, kerajaan perlu faham bahawa mereka tidak seharusnya terlibat dalam usaha 'pump-priming' secara tradisional, yakni dalam infrastruktur sahaja.

Perusahaan kecil dan sederhana

Kerajaan wajar menumpukan sector perusahaan kecil dan sederhana (PKS) kerana peranannya yang penting dalam ekonomi negara. Sumbangan PKS kepada KDNK ialah sebanyak 32% sementara ia menyumbang lebih 56% tenaga pekerja dalam negara. Skim Jaminan Modal Kerja sebanyak RM5 bilion adalah cukup memberangsangkan. Penjanaan pekerjaan adalah besar sekali gus dengan kesan bergandanya juga adalah penting.

Elakkan dari membuat suntikan ke atas sektor spekulatif dan akhirnya tidak menjadikan rakyat mendapat menafaat kecuali bagi pihak pemaju atau pembekal bahan-bahan pembinaan. Sudah terlalu banyak projek rumah yang terbengkalai. Kita perlu berfikir di luar kotak dalam menggarap cabaran perumahan ini. Benar, bidang pembinaan melibatkan 120 sektor berkaitan, tetapi cuba pastikan kesan bergandanya

dan matlamatnya kesampaian.

Sudah terlalu lama isu perumahan tidak ditangani dengan baik dan tuntas. Banyak lagi aspek-aspek terperinci yang perlu diperhatikan termasuk pelaburan dalam industri hijau, dan lain-lain lagi. Namun selama wujud komitmen dan iltizam politik untuk melakukan yang terbaik dengan urus-tadbir yang kompeten dan bertanggungjawab, krisis ini akan terus mematangkan seluruh rakyat, sama ada di pihak pembuat polisi, pelaksana polisi dan penerima kesan polisi yakni rakyat.

Akhirnya, ia kembali kepada semua kita. Mengungkap sepatah kata hikmat Mahatma Ghandi: Jadilah engkau perubahan yang engkau cita-cita untuk saksikan di dunia ini! Andainya kita gagal lakukan ini, maka kitalah musuh utama bagi diri kita sendiri.

Dengan itu sayugia diingat akan maksud firman Allah SWT: "Wahai orang-orang yang beriman, Mengapa kau katakan apa yang kau tidak lakukan?"

By riverman Author Profile Page on March 12, 2009 4:34 AM

Dear Tun,

Salam. Isu tong ikan is just too small for an ex PM to comment and to relate it to flip flop. I am sure Tun know the real reason and why the present government is not firm in a lot of decision.

It is no fault of someone but it is the decision of the people who did not want to give unquestionable mandate to the ruling government. However if the government make good decision, I am sure there is no flip flop. The tink tank behind each decision is important - they must be selected from a group of people who does not have ulterior motive on whatever decision is made. Take the strongly pro, pro , contra and strongly contra. Let some wizard to make the decision and present it to the decision maker.

This will reduce the amount of unpopular decision. But bear in mind, unpopular decision does not mean poor judgement in long run.

Ordinary man like me can think like this - why cant the government and let us not burden Tun in such a petty issue.

Tun should enjoy the success and platform that Tun have built 2 century ago - just like a grandfather enjoying his success of bringing up his successful children.

River is great

By KhALiFaMaLaYa Author Profile Page on March 12, 2009 4:40 AM

Rangsang ekonomi negara atau menghalalkan kontrak tertentu yang tidak memerlukan proses tender terbuka, daripada pakej penyelamat RM60 bilion seperti diumumkan kerajaan semalam.

kalau tidak berkait dengan politik mengapa pakej rangsangan itu diumumkan menjelang Perhimpunan Agung Umno tidak lama lagi.

"Jadi jelas apa yang dilakukan bukannya semata-mata mahu memulihkan ekonomi negara sebagaimana didakwa. Empat teras ditetapkan pakej rangsangan ekonomi kedua iaitu RM2 bilion bagi mengurangkan pengangguran dan menambah peluang pekerjaan, RM10 bilion mengurangkan bebanan rakyat, RM29 bilion membantu sektor swasta dan RM19 bilion bina keupayaan masa depan.

Pakej rangsangan melalui pemberian kontrak pembangunan tanpa telus dikhuatiri menyubur lagi amalan kronisme.

Projek hanya diberikan kepada kroni-kroni tertentu sahaja yang mengakibatkan kos lebih tinggi berbanding harga sebenar.

"Kemungkinan akan berlaku ketirisan peruntukan disediakan kerajaan sehingga akan melemahkan ekonomi negara dan bukannya memajukan ekonomi
Selain itu masalah juga timbul kerana kerajaan negeri tidak diberi peluang untuk mengambil bagi dalam menjayakan projek tertentu ditetapkan kerajaan pusat bagi merangsang pertumbuhan ekonomi.

Menurutnya kerajaan hanya mengekalkan kaedah projek pembangunan secara konvensional.

"Walaupun pakej itu nampak besar, namun ia belum mampu menjayakan tahap pembangunan seperti diharapkan, apa lagi mahu memulihkan ekonomi negara,"

Dari mana wang berkenaan akan dikeluarkan kerajaan bagi menjayakan pakej tersebut?

Oleh itu saya mencadangkan kerajaan menyusun semula struktur ekonomi negara ekoran kegawatan ekonomi yang melanda sekarang dan bukan hanya mengumumkan jumlah angka tertentu semata-mata.
By KhALiFaMaLaYaAuthor Profile Page on March 12, 2009 4:44 AM

Panel siasatan yang dibentuk kerajaan Negeri yang dianggotai pasukan forensik akauntan mengenalpasti terdapat unsur salahguna melalui pemberian jam tangan mewah Patek Phillipe berharga RM159,250 kepada Pengerusi Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB). Iklan

Dalam sesi perbahasan sidang DUN, Adun Bukit Antarabangsa, Azmin Ali berkata, pemberian jam tangan mewah kepada Pengerusi PNSB itu telah mencabar prinsip urus tadbir korporat.

Ini kerana katanya, setiap pejawat awam tidak boleh menerima sebarang cenderahati yang bernilai lebih RM1,000 dan jika mereka menerima ia mesti dipulangkan kepada kerajaan.

Bagaimanapun beliau berkata, sehingga kini tiada sebarang maklumat yang diperolehi mengenai pemulangan jam tangan tersebut dan jam itu tidak ada dalam simpanan PNSB.

Menurut sumber katanya, jam tangan tersebut telah dijual oleh PNSB kepada seorang pembeli tetapi tidak mempunyai rekod bagi membuktikan kesahihan penjualan tersebut.

Dalam masa yang sama, Azmin turut mempersoalkan kelulusan pembelian hartanah Al-Marwa yang dikeluarkan melalui resolusi Pengarah untuk lima unit namun telah dibeli sebanyak 12 unit.

Katanya, wang berjumlah RM12 juta telah dibawa keluar tanpa kelulusan pihak bertanggungjawab dan urusniaga untuk tujuh unit yang dijual balik kepada kroni tidak mempunyai resit rasmi.

Beliau mempersoalkan apakah muslihat PNSB yang diketuai bekas Menteri Besar, Dato' Seri Dr Mohd Khir Toyo apabila terdapat bukti percubaan untuk membeli semula unit yang telah dijual.

Mengikut rekod PNSB tiada sebarang kelulusan yang diperolehi daripada Pihak Berkuasa terbabit dalam pelaburan hartanah di luar negara, tegasnya.

Selain itu kata beliau, PNSB gagal mengistiharkan faedah bukan wang yang diberi kepada kakitangan termasuk Pengerusi termasuk bentuk barangan, wang tunai atau kedua-duanya termasuk Toyota Harrier dan pemandu serta percutian dalam dan luar negara.

Beliau turut mendesak pihak PNSB supaya memaklumkan berapa jumlah yang dikeluarkan PNSB untuk menampung kos perbelanjaan ahli Balkis termasuk pakaian dan perhiasan mereka.
By AdliayobAuthor Profile Page on March 12, 2009 4:54 AM

Ybhg. Tun,

Selepas tong-tong ikan itu dilupakan, maka satu lagi berita kedengaran. Bayangkan anda sedang

menonton tv dengan keluarga, terpapar pengumuman rasmi PM Dollah "Saya dengan ini menyerahkan tampuk pimpinan negara ini kepada Dato' Seri Najib Tun Razak" FLIP!

Dan esoknya, dengan muka sardin - PM Dollah keluar sekali lagi di kaca TV dan menyatakan "Kita telah ambil keputusan untuk mengKAJI semula keputusan semalam dan KABINET (kabinet dapur keluarga dia lahhh) telah sebulat suara ingin saya meneruskan KUASA dan mengekalkan saya selaku Perdana Menteri sehingga satu tarikh yang akan ditentukan kelak" FLOP!

Dia sambung lagi pulak tu - "Dan saya juga ingin menyatakan yang projek jambatan dari Labuan ke Kota Kinabalu dan segala projek-projek jambatan di Malaysia baik yang lurus mahupun yang bengkok DIBATALKAN. Untuk itu kerajaan akan mengKAJI dan akan membentangkan BAJET MINI yang ke-tiga dimana terkandung didalamnya projek JAMBATAN dari Negeri Sarawak ke Negeri Johor".

Serentak dengan itu, seluruh warga tingkat empat bersorak dan menyebut "HIDUP BAPAK JAMBATAN MALAYSIA!"

Ybhg. Tun,

Sewaktu Tun memegang kuasa dahulu, benar-benarkah tiada seorang pun pemimpin pelapis negara yang ada semangat PATRIOTIK terhadap bangsa dan negara ini? Kalau ada, walaupun seorang - cuba Tun sebutkan di sini supaya menjadi panduan kami rakyat Malaysia menyambung legasi dan memandu Malaysia menjadi negara maju pada 2020 kelak?

Saya takut... jika selepas ini tak tahu BAPAK apa lagi yang akan lahir di Malaysia ini.

<http://adliayob.wordpress.com>

By alpha1Author Profile Page on March 12, 2009 6:44 AM

Swatch has "Flik Flak" for the children... We, Malaysians have "Flip Flop", from non other than the BN government! Good luck Malaysia!

By Raden TzukoAuthor Profile Page on March 12, 2009 7:03 AM

Assalamualaikum,

Yang Dikasihi Ayahnda Tun
dan Para Pembaca

Untuk Difikirkan

1. Dari hari ke hari kecelaruan kian terserlah kecelaruan yang sudah pasti membawa keburukan kepada reputasi dan keharmonian kehidupan di Malaysia KESAN daripada KEALPAAN atau kata kasarnya KEBODOHAN kepimpinan. Apa yang PASTI RAKYAT yang menanggung kesan.

2. Adakah PERLU di BIARKAN keberleluasaan ini.

3. Jika TIDAK BOLEH dibiarkan... APA ALTERNATIF tindakan RAKYAT

4. TIADAKAH sesiapa yang PUNYA UPAYA untuk bersuara MENEGUR kelemahan dan kesilapan ini didalam negara kita (MACAMANA / APA SEBENARNYA SISTEM KEPIMPINAN SEKARANG INI - MAIN HENTAM IKUT SUKA JE KER...). ALANGKAN Nabi yang memang dijamin Syurga di akhirat nanti SENTIASA MEMOHON KEAMPUNAN dari ALLAH kerana takut telah melakukan kesilapan. Inikan pula.....

Aduh.... belalang.... rasanya belalang pun takut nak pergi dekat dengan peti ikan plastik tu... hai...tu... takut kena serkup bagi makan kat burung-burung gagak yang hinggap kat tingkat 4 tu ke... hehe

5. JANGAN AINAYA KEHIDUPAN RAKYAT, INGATLAH... JANGAN JADI PEMIMPIN YANG HINA DISISI ALLAH..... BALASANNYA AMAT DAHSYAT DI AKHIRAT KELAK

Moga Allah limpahkan segala yang terbaik buat Ayahnda Tun dan keluarga kerana kami Amat Sayang Ayahnda Tun...

Wassalam

By allen ngAuthor Profile Page on March 12, 2009 7:05 AM

This administration of the flip-flop is in the state of self-denial and the person who had came out with this proposal must be nuts to tear away the fishmongers burden. Luckily it was scrapped or else the burden would be channelled towards the people.

By ifadzlieAuthor Profile Page on March 12, 2009 7:48 AM

Ytc Tun

Semoga Allah sentiasa memberi rahmatNya selalu. Amin.

Apa yang penting adalah ikan atau makanan hasil laut dapat dijual dengan harga yang rendah demi keperluan rakyat jelata yang umum (yang kaya-raya dengan rasuah tu lain ceritalah). Siapa yang puji dipasar bahawa tong anda cantiklah dan cangginglah. Kita bukan tak tahu, takkanlah pihak tertentu (pengilang tong) dengan mudah dan sewenang-wenangnya minta tukar semua tong-tong ikan tanpa bantuan orang-orang tertentu. Tolonglah cukup dengan penipuan dan makan dengan hasil haram. Apa para Ulama-ulama tak bagi tahu ke? Apa para ulama-ulama takut hilang kedudukan ke? Takkan lah Islam pun boleh dibeli kot? Tapi nampak gayanya macam itu pun selama ini, cerita tentang Islam buat perkara "unIslamic".

MACC takkan diam aje? Ini kes VIP ke yang harus ditangani oleh AG? Bagaimana pula dengan kroni-kroni tertentu yang terbabit? Sedarkan lah pihak-pihak tertentu ini yang selama ini hidup kenyang dari hasil tambahan haram. Apakah ini kerana mereka memperagakan selogan "Malaysia Boleh" jadi segala-galanya "BOLEH". Rakyat Malaysia sudah "muak dan jemu" dengan karenah orang-orang perasuah dan penerima najis rasuah.

Saranan saya "kenapa tak buat cerita sebenar penangkapan perasuah dan penerima rasuah di TV dengan menunjukkan muka-muka mereka?" Cerita aktual ini tersebar luas di TV Indonesia dan kita harus membuat yang sama demi memalukan mereka dan menggambarkan bahawa Malaysia benar-benar benci atau anti-rasuah.

By aghaniAuthor Profile Page on March 12, 2009 8:08 AM

Salam Tun,

This is part of Malaysian life. Must have some spices.

Regards

By LuckyAuthor Profile Page on March 12, 2009 8:20 AM

YAB Tun,

Ini satu lagi tingkat 4 punya strategi, kaut sebelum tamat tempuh pemerintahan. Keseragaman ini sepatutnya di buat untuk dasar-dasar kerajaan yang boleh memberi keuntungan kepada rakyat, bukan keseragaman untuk keuntungan sesetengah pihak sahaja dan majoriti rakyat akan menghadapi bebanan.

By menaguna7116Author Profile Page on March 12, 2009 8:30 AM

salam Tun. biasalah kerajaan pak lah kita. banyak sangat buat U turn sejak kebelakangan ini. tak tahu bila akan kena langgar dari belakang baru tahu. biar buat keputusan secara rasional. jangan main bantai aje. fikirilah dulu.

By buntatAuthor Profile Page on March 12, 2009 8:45 AM

salam ayahanda dan rakan blogger

tong ikan cangguh

saya tak kisah sangat pon pasal tong

kaler biru,merah,kuning dan hijau'

tong kayu,gabus dll....

tapi saya suka makan ikan

ikan kembung,cencaru,kerisi

janganlah sebab tong ikan tu,saya kena beli ikan kembung dengan harga RM15kg...sian kat saya dan keluarga saya

By LisairAuthor Profile Page on March 12, 2009 8:49 AM

Salam Tun & all,

Hehehe...U r funny.

Yeah, looking forward to somebody resignation for this important post, but still not hears any.

Lets moving forward from this Flip Flop era! OR

Do i have to email "warkah untuk PM lg ke?"

By smellykenzoAuthor Profile Page on March 12, 2009 9:07 AM

salam tun,

lucu la kerajaan kita skang...

tak sabaq nk tunggu pak lah letak jawatan bln ni gak..

harap dunia politik kita kian pulih la bila najib gnti pak lah, the slleeping beast tu..hehehe..

semoga tun sihat slalu..

By icucu tok buyungAuthor Profile Page on March 12, 2009 9:08 AM

TUN.

1.Pak Lah kata telah pilih tarikh 4 april(tak tahu april bila) untuk serah jawatan pada Tok Ajib, bukan pada jadual asal sepatut nya pada hujung bulan ini atau pada PAU. 'FLOP' lagi.

2.Pak Lah bertembung dengan Annuar di Ulu Langat. Pak Lah kata satu kebetulan. Namun mereka tak bercakap antara satu sama lain. MasyaAllah. Dalam madrasah pun tak kan sesama saudara Islam tak bertegur sapa dan bersalaman. Tak caya lah Imam Hadhari bersikap macam tu....

3.Tong apa sekali pun digunakan, harga ikan tetap tinggi dan berterusan naik. Nelayan dan penjual ikan sama saja, sentiasa ada belbagai alasan untuk naik kan harga ikan.Kalau pun tong2 itu diberi percuma oleh kerajaaan, harga ikan tetap mahal.

4.Bekas kerajaan Perak letak tugu dibawah pokok keramat yang menjadi saksi persidangan DUN mereka.

Biasalah 'Tok Sami' Siva suka buat tempat sembah(tokong) mereka di pokok2 besar.

By azrulanwarAuthor Profile Page on March 12, 2009 9:25 AM

sekarang ini adalah bukan lagi bumi Malaysia seperti yang aku kenali.Jika satu ketika dulu aku begitu berbangga menjadi rakyat Malaysia, punyai kerajaan yang tidak pengecut, begitu bersaing dalam peringkat antarabangsa, pasukan bolasepak yang kuat dan ilmuwan yang begitu terbilang...sekarang, bukan lagi Malaysia yang aku kenali lagi seperti dulu...DIMANAKAH SILAPNYA

By pkAuthor Profile Page on March 12, 2009 9:30 AM

Dear Dr M,

This ongoing "Flip-flop" is ridiculous fickle-minded to say and one wondered who's the boss!
Obviously the ongoing circus got to be eliminated for this country to move forward.
By IaniAuthor Profile Page on March 12, 2009 9:34 AM

bulat air kerana pembetung
bulat kata kerana muafakat
telajah perahu boleh diundur
terlajak kata buruk padahnya

terlajak kapal boleh di u-turn
inikan pula arahan paklah
hari ni cakap lain besok cakap lain
kepala ana peninglah....

nukilan -Iani
jhuabghani@yahoo.com
12 mac 2003
By membrAuthor Profile Page on March 12, 2009 9:35 AM

Tun,

Keputusan flip flop ini hanya terjadi pada orang yang tiada keyakinan diri. Walaupun keputusan itu baik, tapi kerana bantahan dan tekanan, maka dibatalkannya.

Orang macam ini tidak boleh jadi pemimpin, porak-peranda dan kelam-kabut jadinya. Itulah yang sudah lumrah terjadi sekarang ini dan rakyat dah jadi muak.

Bukan bermaksud Parti BN tidak bagus, Parti BN masih relevan terutamanya pada majoriti rakyat Malaysia.

Cuma pemimpin BN yang tak betul. BN tidak begitu popular dibandingkan dengan suatu ketika dulu kerana pemimpinnya yang tak relevan, bukan BN yang tak relevan.

By Fedink'mLumutAuthor Profile Page on March 12, 2009 9:36 AM

Dearest YABhg Tun, Assalaamu'alaikum wbt.
Susahlah rakyat kalau kerajaan tidak berfikir dgn mendalam sebelum buat sesuatu keputusan. Pegawai pelaksana undang-undang lagi pening. Kerajaan mesti tegas dan berwibawa barulah rakyat akan respek. Confirm FLIP FLOP!. Baru habis kes nama tuhan, Bangla, lepas ni kes PPSMI ke?, apa pulak ke?. Yang lebih urgent sekarang ialah kes orang Melayu dan harga barangan keperluan rakyat.
By xieAuthor Profile Page on March 12, 2009 9:37 AM

Dear Tun,

The "Flip Flop" culture of the BN leaders is not only making a mockery for BN but making Malaysian as a laughing stock worldwide. I was once chided by a Singaporean on the new bridge between JB and S'pore. He was telling me that S'porean expected that M'sian leaders cannot make any firm decision

because of this "Flip Flop" culture. I was wondering what is the reason for such culture. Does this due to lack of communication between BN leaders or it was a result of low quality leaders. Looking at the cabinet ministers, we have Law Minister that does not respect Laws, Health Minister that does not practice healthy life style and worst still, Home Minister that does not go home (because too many homes).

Dear Tun, please lead Malaysian again !

By yusfi yusopAuthor Profile Page on March 12, 2009 9:39 AM

Assalamualaikum Tun,

Memang kalau dah flip flop tu dah tak boleh nak buat apa dah. kena kejut skit terus tukar keputusan.

Tulisan Tun pasal Orang Ulu haritu sebenarnya Tun nak bagitau suruh orang Melayu percaya kat bangsa sendiri kan? Suruh belajar Bahasa Inggeris tapi ramai yang masih tak faham bahasa. Apa kata Tun direct to the point terus la kat orang2 yang dok bantah PPSMI ni. Meluat tengok, pejuang bahasa konon! Kalau nak pejuang betul2 tukar la tulisan rumi pi tulisan jawi.

Sibuk nak buat demonstrasi pasal PPSMI, tapi isu guna ALLAH dalam Kristian taknak pulak buat demonstrasi pi istana. Pelik betoi!

By anakmalaysiaAuthor Profile Page on March 12, 2009 9:56 AM

Dear Ayahanda Tun,

Keadaan ini seperti biasa kita dengar jer.....

Apa Komen Ayahanda Tun tentang komen Dato' Rais Yatim mengenai penguasaan Bahasa Inggeris dalam matapelajaran sains dan matematik.

By zain alAuthor Profile Page on March 12, 2009 10:03 AM

Sallam Tun,

How about the proposed handover power? Another flip flop?

We shall wait n see.

By dbkAuthor Profile Page on March 12, 2009 10:06 AM

Dear Tun,

I have one question? What will happen if people (rakyat) don't go out for election if they feel that the candidate is not suitable to run the government?.I think this will happen very soon in Malaysia.

Any way AAB is not going to step down and we will see the Semangat 46 team will run this goverment very soon and this for very sure "No Flip Flop "

Regards,

dbk

By gAsZAuthor Profile Page on March 12, 2009 10:09 AM

Salam Tun,

Another opportunist... di mana ada untung di situ ada kantong... la ni ekonomi tak menentu..selagi boleh sapu..sapu saja lah tanpa hiraukan apa yang akan terjadi... pokoknya pengurusan tertinggi perlu ambil maklum situasi semasa...jangan fikir untung sajor dan nak please someone or somebody....

Semoga sihat sentiasa Tun dan family... Perjuangan BELUM Selesai !!!

MALAY dilemma...

Wassalam

By Liza AzmiAuthor Profile Page on March 12, 2009 10:18 AM

Salam Tun,

Tulah dia...kajian yang terperinci perlulah dilakukan dari pelbagai sudut sebelum pelaksanaan atas sebarang keputusan agar ianya tepat dan jitu. No more flip flop..

By truthseekerAuthor Profile Page on March 12, 2009 10:20 AM

Salam Tun and fellow bloggers,

1. Creative ideas by the opportunists!the robbers, the thieves...
2. Just take a closer look, most of the 'monopoly' kind of stuffs like one-stop agency (at one time proposed by UMNO guy to control the indons, bangladesis, etc) , the consultants to handle the govt monies (proposed by najib), ideas from kj (kera jantan), etc are brilliant ideas from the thieves on how to siphon our monies legally
3. What one needs to do is to get the prime minister's and minister's interest and whalla...your wishes are my command...but for something in return
4. But sad to say most of the ministers are malays but their business advisors are non-malays and the advisors got the bigger portion than dollah and the ministers.
5. Normally at ministry level it comes under the term 'direct nego' whereby only the ministers can appoint the companies to provide services or products, no tender processes necessary. So these companies can simply name their prices...some profits for them, some for ministers, officers, even to UMNO's activities (ha,ha provided by the non-malays, after stealing from people of malaysia!)

My only reminder to the govt officers like KSN, KSU, Ketua Pengarah, etc...you're collaborating with the robbers!

By Han SoloAuthor Profile Page on March 12, 2009 10:22 AM

Dearest Tun,

How can the fishmongers understand? They don't sit in air-cond offices in Putrajaya, holding meetings, answering phones and ordering their secretaries to sit on their laps.

The fishmongers do not understand the hardships faced by the office-bearers trying to get ONE SUPPLIER to produce millions of containers.

The fishmongers do not understand why it costs RM205 per container and the breakdown of revenue goes to the supplier, runners, government and the minister himself.

The fishmongers do not understand that their views or opinions are unnecessary for the ministry to make their decision on the containers.

The fishmongers do not understand that the containers are used for holding money and not fish.

<http://wtfmalaysiangovernment.blogspot.com/>

By deenAuthor Profile Page on March 12, 2009 10:35 AM

Salam,

Tentang kekurangan ikan dan kotak ikan , sumber yang memberitahu saya puncanya berasal dr pengaudit dari Eropah yang datang ke negara kita untuk meng-audit cara pemrosen ikan kita dr di tangkap hinggalah dipasarkan sampai ke luar negara.

Disebabkan kita antara negara pengekspor ikan yang berkualiti baik ke negara Eropah, meraka datang nak tengok cara nelayan-nelayan kita buat keja. Dipendekkan cerita yang memang pendek mereka dapati ada proses yang tak menepati piawaian mereka, salah satunya ialah kotak ikan.

Tapi, baru saya tau kata ada syarikat yang nak supply kotak ikan tu pulok. Dan semasa nak supply kotak tu ada kedengaran bunyi flip - flop. Biasalah kotak kan musti ada bunyi !!!

By seridewiAuthor Profile Page on March 12, 2009 10:44 AM

Assalamualaikum Ayahanda ,

Menteri yg patut dikeluarkan dari kabinet ialah menteri yg tidak amanah dan korup dan orang KJ . Selalu dengar rungutan ..

Azalina , Khaled Nordin, Noh Omar , Nazri Aziz dan siapa lagi?

tapi patut dikekalkan seperti Rais Yatim (semangat Melayu kuat), Shafie Apdal dan Mustafa Mohamad (orang PAS juga hormat kepada Tuk Pa) ...

Apa fikiran Ayahanda ?

Wassalam .

By danielsdbAuthor Profile Page on March 12, 2009 10:45 AM

Dearest Tun,

News heard from radio this morning mentioned officers from MACC went to a "lady" minister office and confiscated some document for investigation into a case. Not sure whether the case is linked to what Tun had mentioned. Just sit back and see.

Take care Tun.

By whybee bangi 2Author Profile Page on March 12, 2009 10:51 AM

Salam Tun,

1) Tanah Air tercinta ketika ini seolah olah tiada kerajaan atau pemerintah atau pemimipin yang menjalankan tanggungjawabnya mengetuai, menerajui atau membuat keputusan yang boleh diterima.

2) Secara mudahnya selepas PRU orang yang dipilih yang dianggap pandai belaka perlu memeras keringat untuk rakyat dan harus betul semuanya.

3) Silap buat keputusan alamat nak cari nahas.

4) Dulu pun banyak keputusan dan ada juga bantahan namun kebanyakannya terbukti baik untuk rakyat.

5) Pemimpin sekarang nak buat macam macam tapi kalau pada dasarnya yang membuat keputusan tidak tahu apa dibuatnya memanglah FLIP FLOP.

6) Apalagi keputusan dibuat dengan niat tidak baik bertambah cepatlah ianya berubah.

7) Banyak andaian yang boleh dibuat akibat dari sikap flip flop ini dan yang paling dahsyat ia telah

MENELANJANGKAN Kerajaan Pak Lah hingga tidak terkira beberapa kali.

8) Kenapalah ada pihak yang bagi dia Doktor Falsampah..... DAN YANG MENERIMA TAK MALU KE?????

Wassalam

By azmanAuthor Profile Page on March 12, 2009 11:01 AM

Yes! As usual, whatever Pak Lah tries to do will be wrong. Org tua kalau bergaduh buruk rupanya. Dendam sampai ke mati.... insaf la wahai Tun and Pak Lah....

By azmanyAuthor Profile Page on March 12, 2009 11:04 AM

Hmmm... unfortunately I had the chance to do some work for them last week. I was perplexed then when learning that the Government has agreed to gazette the compulsory use of this new fish-crates (apparently it will use RFID chip for electronic monitoring of the fish movement - no mention of that in current news though - and it will be better insulated) by the fish traders. The gazettelement was actually done over a year ago... maybe Tun can actually elaborate how laws can easily be passed and turned into gazettes?

Naturally I shot the proposal down but it appears that it has flipped open last week and now flopped back. Thank goodness... mesra rakyat lah sikit Pakcik oiii.

By monayusofAuthor Profile Page on March 12, 2009 11:05 AM

Memang lawak la...sounds funny...kita tunggu sama-sama...

By Idzan IsmailAuthor Profile Page on March 12, 2009 11:09 AM

Dear esteemed Tun.

Short, sweet and spot on.

A fishy tale indeed.

Flip and flop over fish box.

He is indeed a flop and a failure.

Idzan Ismail

By Papermate919Author Profile Page on March 12, 2009 11:13 AM

It's government dilemma. Whatever action they take now, people is suspicious - even it is mean something real good.

Government needs to do more, and more sincere...

By AZIFAAuthor Profile Page on March 12, 2009 11:17 AM

Tun,

As usual this is to benefit KJ, and if implemented KJ will make more money.AAB is more asleep than awake and for disrepecting Tun more Flip Flop and failure will occured. I hope that Math & Science will be taught in English for the benefit of our future Malaysian Generation not like those idiots whom wanted to have them in Bahasa Malaysia.

By ChrisAuthor Profile Page on March 12, 2009 11:19 AM

Sir,

With regards to the fish containers issue, don't you think that it is grossly unfair for the supply of the said containers to be monopolized by just one company. Where is the spirit of competition? Or maybe it is seen as a bumiputra right to dominate the business thereby enriching a privileged few with the right connections? This is the kind of affairs that will not go down well with the rakyat. Already there is rampant corruption in UMNO and other government agencies, so this kind of one-sided deal will only alienate the electorate even further. As they say perception matters a lot in politics. And the perception is that there is some hanky-panky involved. Anyway, the decision has been rescinded. Still, I'm sure the powers that be

will find a way around it to their advantage. We shall wait and see what happens after the planned take-over by DS Najis.

On another note, what do you make of the recent power lunch between DS Abdullah and DS Anwar at the home of a mutual host? Is there some sort of power play between these two political rivals? Or are they now friends? As they say, in politics nothing is permanent. DS Najis must be shaken to the core with this turn of events. Again we await the outcome of this political intrigue
By Man ManAuthor Profile Page on March 12, 2009 11:37 AM

Salam Tun,

Saya rasa idea untuk menggantikan tong tong ikan dengan yang lebih baik adalah bagus. Cuma cara penguat kuasa yang kelam kabut sikit. Kenalah banyak berbincang dengan pihak yang akan menggunakannya. Insyallah, ikan akan lebih frsh kat pasar nanti.
By Saiful BaharomAuthor Profile Page on March 12, 2009 11:41 AM

I wonder if the plastic cases were supplied by the same people who was behind the proposed Nilai low cost terminal???

By azmi_gamma_rayblastAuthor Profile Page on March 12, 2009 11:41 AM

""Pelawat asing akan kagum kerana tong ikan kita begitu hebat""

salam tun

saya rindukan ayat-ayat ini di ucapkan oleh tun secara live.
:)

sangat padat, tepat , kelakar dan amat mendalam maksudnya
By divaAuthor Profile Page on March 12, 2009 11:45 AM

Selamat pagi Tun, mungkin perikanan boleh berbincang dengan mereka dulu dan beritahu mereka untuk tujuan apa.tetapi rakyat ini memang kalau apa yang dibuat mesti ada yang bisling ah ah ah
By athoyAuthor Profile Page on March 12, 2009 11:48 AM

Salam buat Tun dan isteri,

- 1.... macam tu la dengan depa ni. Depa ni buat decision ikut suka mulut saja. Kalau setakat ni punya achievement, JKKK kat kampong pun belum tentu boleh pass. Apa kata lepaih ni mana-mana yang rasa tak boleh nak tadbir urus tu berenti la bagi orang lain pulakla.
 2. Kamu tu bukannya ajk koperasi ka atau ajk persatuan sekolah rendah. Tak dak ka rasa apa-apa kat orang kat luar ni. Kot-kot nak rasa malu ka, rasa segan ka sebab buat kerja macam budak-budak sekolah rendah
 3. Kalau macam ni punya performance, next PRU wajib K.O.
 4. Takkan sampai hari ni tak sedar-sedar. Kesian sama rakyat yang yang tak habis-habis confused dengan decisions yang smart yang bapak-bapak menteri dah buat dan akan buat...
 5. Sebagai rakyat saya wajib rasa malu dengan pentadbiran yang ada sekarang.
 6. Tapi saya yakin masih ramai kat luar sana yang betul-betul bijak dan boleh membimbing negara ini ke landasan yang lebih baik dan betul.
 7. Cukuplah!!! Letih...!!! Menjengkelkan...!!!
- By arianimAuthor Profile Page on March 12, 2009 11:49 AM

kehadapan Tun,
tun ni kelakar la...short but pedassss..
By haidiAuthor Profile Page on March 12, 2009 11:54 AM

salam tun

saya percaya setiap tindakan, usul, cadangan akan ada pro dan kontra nya. dan disini lah check n balance memainkan peranan penting

check n balance kerajaan tak semestinya sama dengan rakyat

jika kita asyik berkata TIDAK itu, TIDAK ini, saya yakin PROTON juga tidak akan ujud seperti hari ini.

cuma saya tengok (dan agak), rakyat malaysia ni masih memegang konsep "kerajaan angkat, tatih, pimpin dan perlahan-lahan lepaskan utk rakyat berjalan"

JIKA RAKYAT ITU JATUH DLM PROSES DISEBUT TADI, MAKA DI MARAHKAN KERAJAAN.. TAPI JIKA KERAJAAN TAK BUAT BEGITU, SAMPAI KE SUDAH RAKYAT TAK PANDAI BERJALAN SENDIRI..

By azmisaid Author Profile Page on March 12, 2009 11:57 AM

Salam YBHG Tun,

I think, we need to uplift Fisheries practises in the country. The peoples deserve more hygienic, better handling and fresher marine goods, plus quality of fish.

The industry is dominated by certain quarters that manipulating the supply chain. Without Government push, we Malaysian will forever receiving lower grade of fish (good grade obviously exported), minimal hygienic practices, Allah knows what chemicals they injected for transportation (the same for poultry breeding),etc.

Such FLIP/FLOP only benefits the dominating quarters (which definitely not from the Ketuanan Melayu quarters) that controlling the supply chain. And definitely not the rakyat. Why FLIP/FLOP?

Like the paper industry, only SFI produces office papers but it is controlled by Ballapur Industries of India. We use papers from Indah Kiat (Indonesia) and Double A (Thailand). Our industry produce newsprint, tissue and boxes only.

We produce "ornamental fish", but, Singapore is the world biggest supplier of "ornamental fish" which we supplied to them.

Thanks.

By manitc6 Author Profile Page on March 12, 2009 12:14 PM

Banyak berlaku FLIP FLOP dalam politik negara kita sejak kebelakangan ini. Harap-harap FLIP FLOP ini tidak berlaku dalam politik masyarakat Siam yang menetap di sebahagian UTARA tanah air. Sejak dulu masyarakat Siam setia kepada BN,, baru-baru ini mereka dah mula berjinak dengan Kelab Penyokong PAS. FLIP FLOP ini kerana masyarakat Siam rata-ratanya ahli UMNO dan penyokong kuat BN mula FLIP FLOP.

By X-Generation Author Profile Page on March 12, 2009 12:17 PM

Assalamualaikum wbt Tun M sekeluarga serta pembaca blog,

apa kabar?saya doakan Tun sekeluarga dlm keadaan sihat dan di berkati oleh Allah SWT...

pada pendapat saya, sesebuah kerajaan, jika sudah memutuskan sesuatu keputusan perlulah TEGAS...sedia maklum, sebelum sesuatu keputusan di buat, pasti ada rundingan yang melibatkan individu yang pakar dalam bidang tertentu..tak kn lah ahli2 mesyuarat tidak memikirkan pro and contra

sebelum sesuatu keputusan di ambil?kenapa sudah di buat keputusan, sudah di umumkan, barulah terfikir hendak batalkan?atau ada sesuatu di sebalik "tong canggih"?melibatkan keuntungan pihak tertentu?semua ini akan berlegar di fikiran rakyat Malaysia...

semua ini hanya akan menunjukkan kelemahan kerajaan sedia ada..kalam kabut membuat keputusan...igt lah wahai pemimpin yg telah di pilih, segala keputusan kerajaan adalah penentu masa depan negara malaysia tercinta..

sekian, terima kasih

By anak georgetownAuthor Profile Page on March 12, 2009 12:19 PM

Ayahanda Tun sekeluarga, assalamualaikum.....

